

BELANJAWAN 2016

MERUNGKAI TUNTUTAN EKONOMI SEMASA

Ternyata Belanjawan 2016 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, pada 23 Oktober lalu, mengambil kira pelbagai perkara yang sering diperkatakan belakngan ini. Walaupun sesi pembentangan Belanjawan 2016 lebih pendek berbanding dengan belanjawan terdahulu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, ini pastinya padar dan tepat selalar dengan tuntutan ekonomi semasa.

ROHAMI SHAFIE

Penyarah Kanan Perancangan Pusat Pengajian Periklanan,
Sektor Pengajian Komunikasi, Universiti Malaysia

TUNTUTAN ekonomi semasa mengambil kira aspek ekonomi keperluan rakyat pelbagai etnik di seluruh Malaysia. Tidak terkecuali, Belanjawan 2016 cukup prihatin dengan keadaan ekonomi semasa global, maka ekonomi modal juga sentiasa diutamakan. Dengan kata lain, setiap isu yang membabitkan ketidaktentuan ekonomi global yang memberikan impak terhadap ekonomi Malaysia diadunkan dalam Belanjawan 2016 agar dapat dirungkai dengan terperinci berasaskan tuntutan ekonomi semasa. Sememangnya Malaysia tidak berada dalam keadaan kewangan yang rapuh. Jauh sekali menuju ke lembah kemufilsan.

Pada separuh pertama tahun ini, ekonomi Malaysia berkemampuan untuk tumbuh sebanyak 5.3 peratus, manakala untuk keseluruhan tahun, pertumbuhan ekonomi negara dijangkakan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus. Hal ini merupakan satu sasaran pencapaian yang lebih baik berbanding dengan negara lain di dunia yang bergelut dengan pelbagai isu ekonomi domestik dan global. Telahan bahawa ekonomi Malaysia dalam keadaan yang teruk jelas meleset ekoran jangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia berbanding dengan apa-apa yang berlaku pada krisis kewangan Asia pada tahun 1998/1999, 17 tahun lalu.

Pada ketika itu, ekonomi negara berada dalam keadaan menguncup, iaitu 7.4 peratus, situasi yang cukup berbeza

daripada jangkakan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini. Jika ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang teruk atau lebih tepat lagi di ambang kemelesetan dan mufils, tidak mungkin pertumbuhan ekonomi negara diramal pada paras yang positif. Pertumbuhan ekonomi negara dijangkakan berterusan pada tahun hadapan, iaitu pada kadar empat peratus hingga lima peratus.

Tidak cukup dengan pencapaian dan ramalan pertumbuhan ekonomi negara, defisit fiskal kerajaan juga sentiasa berkurangan dari tahun ke tahun bermula pada tahun 2009. Pada tahun 2015, defisit fiskal disasarkan pada kadar 3.2 peratus, meskipun pada awalnya dijangkakan dalam kadar tiga peratus. Peningkatan sedikit ini merupakan semakan terhadap defisit fiskal kerajaan pada tahun 2015 kerana harga minyak global turun dengan mendadak sekali.

Sebagai negara yang bergantung pada turun naik harga minyak, mahu tidak mahu kerajaan terpaksa menerima hakikat bahawa penurunan harga minyak global menyebabkan kantung kerajaan yang bersumberkan pendapatan daripada sektor minyak semakin berkurang. Namun begitu, tindakan proaktif yang dibuat oleh kerajaan sejak awal tahun 2015 menggambarkan bahawa kerajaan berusaha memastikan bahawa defisit fiskal negara tidak meningkat dengan

begitu ketara. Kadar 3.2 peratus masih rendah berbanding dengan tahun terdahulu.

Bukti lain seperti kadar kemiskinan semakin berkurang daripada 3.8 peratus pada tempoh lima tahun yang lalu berbanding dengan hanya pada kadar 0.6 peratus pada tahun 2014. Dengan kadar kemiskinan yang ketara berkurang, maka tidak keterlaluan dikatakan kemiskinan tergar hampir tiada di negara ini.

Selain itu, kadar pengangguran juga rendah, iaitu hanya pada kadar 2.9 peratus. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa ekonomi Malaysia berada dalam keadaan guna tenaga penuh apabila kerajaan berjaya mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan, iaitu sebanyak 1.8 juta, fakta yang mustahil dapat dicapai jika Malaysia di ambang kemufilsan. Sekali lagi hal ini menggambarkan kedudukan kewangan negara yang kukuh lagi mantap.

Kedudukan kewangan negara yang mantap juga memungkinkan kerajaan menyalurkan pelbagai kemudahan asas, seperti bekalan air bersih dan elektrik, demi memenuhi keperluan asas lima juta orang rakyat Malaysia yang tinggal di luar bandar. Pencapaian terakhir yang dinukilkan dalam Belanjawan 2016 melalui pelbagai bantuan yang disalurkan oleh kerajaan, seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

Malaysia menerima masukannya pelaburan langsung asing dalam jumlah yang besar, iaitu RM22.4 bilion untuk separuh pertama tahun 2015. Rizab antarabangsa Malaysia pula kekal tinggi sebanyak RM418 bilion, iaitu jumlah yang cukup untuk menampung sebanyak 8.8 bulan import tertangguh. Jumlah rizab antarabangsa tersebut 1.2 kali hutang luar jangka pendek. Dengan kata mudah, jika berada dalam keadaan kecemasan sekali pun, ekonomi Malaysia masih boleh mengharunginya dalam tempoh yang agak lama tanpa perlu meminjam daripada pihak luar.

Banyak lagi pencapaian yang boleh dikemukakan oleh kerajaan kepada rakyat Malaysia. Pencapaian yang dibentangkan oleh Perdana Menteri sudah cukup mematahkan dakwaan liar bahawa ekonomi dan kewangan

negara tidak ditadbir urus dengan baik oleh kerajaan. Dakwaan liar ini jelas palsu apabila tidak langsung disokong dengan bukti nyata dan hanya semata-mata untuk menggambarkan ketidakcekapan kerajaan dalam mentadbir urus kewangan dan ekonomi negara.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa tadbir urus kewangan dan ekonomi Malaysia oleh kerajaan sentiasa dinamik berdasarkan situasi ekonomi semasa. Jika pada krisis kewangan Asia pada tahun 1998/1999 kerajaan melaksanakan dasar kawalan modal dan menetapkan kadar ringgit pada RM3.80 untuk setiap dolar Amerika Syarikat (AS), pada tahun ini, iaitu secara khususnya pada tanggal 1 April, kerajaan melaksanakan sistem percukaian barangan dan perkhidmatan (CBP).

CBP pada awalnya diasad dan dikritik oleh pelbagai pihak kesan dikatakan menyebabkan kos sara hidup rakyat semakin meningkat. Kritikan teruk tersebut berakhir beberapa bulan selepas CBP dilaksanakan setelah rakyat yang merupakan pengguna mula menerima CBP. Kemampuan rakyat Malaysia menyerap CBP dalam kehidupan sememangnya ditagih oleh kerajaan kerana keputusan melaksanakan CBP pastinya tidak popular pada mata rakyat.

Apa-apa sahaja isu kenaikan kos sara hidup rakyat sudah tentu akan dikritik oleh rakyat dan segelintir pihak yang ingin menanggung di air keruh. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa tiada mana-mana kerajaan mahupun ahli politik yang sanggup mengambil keputusan yang tidak popular, kecuali keputusan tersebut terpaksa dibuat demi kepentingan rakyat dan negara secara keseluruhannya.

Meskipun pelaksanaan CBP tidak popular dan boleh memberikan gambaran yang kurang enak terhadap kerajaan, CBP sebenarnya mula memampatkan hasilnya apabila menjadi penyelamat ketika harga minyak global semakin berkurangan. Sebagai ekoran krisis minyak global, pendapatan kerajaan melalui sumber industri minyak, terutamanya dividen yang dibayar oleh Petrolim Nasional Berhad (Petronas) kepada Perbendaharaan Malaysia, dijangkakan menyusut. Pada tahun 2016, pendapatan kerajaan dijangka menyusut melebihi RM30 bilion dan ini merupakan jumlah yang cukup besar bagi menampung belanjawan kerajaan.

Begitu pun, penyusutan tersebut ditampung oleh kutipan cukai daripada CBP apabila sumber pendapatan kerajaan bertambah sebanyak RM21 bilion dengan pelaksanaan CBP. Jika kerajaan masih mengekalkan sistem percukaian lama, defisit fiskal kerajaan pada tahun hadapan meningkat begitu tinggi kepada 4.8 peratus berbanding dengan hanya 3.1 peratus melalui pelaksanaan CBP.

Defisit fiskal yang semakin meningkat jika CBP tidak dilaksanakan jelas menggambarkan bahawa keputusan kerajaan melaksanakan CBP betul dan tepat pada masanya untuk mencapai sasaran



Meskipun menjadi negara pengeluar minyak, Malaysia tidak terkecuali terhimpit dengan krisis global minyak mentah dunia.

detritikal yang rendah. Bayangkan jika kerajaan tidak melaksanakan CBP, kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang boleh memberikan impak ekonomi yang berpanjangan terhadap negara dan rakyat. Misalnya, meminjam daripada pihak luar yang sudah tentu bakal memberikan kesan kepada generasi akan datang jika sekiranya kemampuan kewangan kerajaan terjejas kerana ketidakupayaan kerajaan membayar balik pinjaman dalam tempoh jangka masa yang pendek.

Keadaan ini tidak baik untuk divisi generasi akan datang. Pada masa yang sama, agensi penarafan antarabangsa akan memberikan penarafan yang lebih rendah terhadap kedudukan kewangan negara. Penarafan yang rendah akan menyebabkan pelabur asing mengambil keputusan untuk tidak melabur atau menarik pelaburan yang sedia ada. Tindakan tersebut boleh menjejaskan peluang pekerjaan dan ekonomi rakyat Malaysia. Inilah yang paling dibimbangkan oleh kerajaan kerana kesan rantaianya cukup besar sama sekali.

Fakta inilah juga yang perlu difahami rakyat Malaysia yang terbuka fikirannya agar tidak terlalu emosi kerana dihasut oleh persepsi yang dimaafkan oleh segelintir pihak yang sememangnya bertujuan untuk

membangkitkan kemarahan rakyat terhadap kerajaan. Tindakan kerajaan melaksanakan CBP juga dibantu oleh pihak berkuasa yang sentiasa bergerak dengan cekap agar pentaga mematuhi sistem CBP. Hampir 400 ribu syarikat mendaftarkan CBP, iaitu tahap pematuan serahannya cukup tinggi melebihi 90 peratus.

Kedudukan kewangan negara juga semakin kukuh apabila kerajaan menghapuskan subsidi minyak pada penghujung tahun 2014. Tindakan kerajaan ini, meskipun tidak langsung popular pada kaca mata rakyat, terbaik dalam menadbir urus kewangan negara dalam menghadapi situasi semasa. Dengan menghapuskan perbelanjaan pasif melalui rasionalisasi subsidi minyak dan pada masa yang sama, meningkatkan sumber pendapatan kerajaan melalui CBP, maka kewangan negara lebih berdaya tahan menahan asakan ketidakstabilan ekonomi global.

Kadar enam peratus CBP telah dikendalikan di bawah Belanjawan 2016. Perkara ini sememangnya dijangkakan atas hujah bahawa sebarang penurunan kadar CBP akan menyebabkan pengurangan kutipan cukai kerajaan, bahkan tidak mustahil lebih rendah lagi kutipan CBP berbanding dengan sistem cukai sebelum ini, iaitu cukai jualan dan perkhidmatan. Jadi apakah gunanya kerajaan melaksanakan

CBP jika kesannya tidak memberikan sebarang erti terhadap peningkatan sumber kewangan kerajaan? Maka kerajaan tetap dengan angka enam peratus bagi CBP meskipun ada pihak mengharap kadar tersebut diturunkan.


Menerusi Belanjawan 2016, kerajaan mengumumkan tujuh langkah untuk penambahbaikan layanan CBP. Ketujuh-tujuh penambahbaikan ini melibatkan kadar sifar CBP untuk kesemua jenis ubat terkawal, susu bayi dan kanak-kanak berasaskan kacang soya dan susu organik, dal, biji sawi, gula merah dan mi kolok kering. Tidak terkecuali, petani kecil mendapat manfaat daripada Skim Kadar Rata di bawah CBP, iaitu jualan tahunan sebagai penanda aras diturunkan kepada RM150 ribu daripada RM100 ribu. Di samping itu, aktiviti penyelenggaraan, pembaikan, dan baik pulih dalam industri aeroangkasa dibenarkan menervati Skim Pedagang yang Diluluskan, iaitu mereka akan diberi pelepasan CBP terhadap barang yang diimport.

Penambahbaikan layanan CBP juga diberikan kepada industri minyak dan gas. Pelepasan CBP diberikan untuk industri tersebut bagi pengimportan semula peralatan yang dieksport secara sementara. Pelepasan CBP juga diberikan terhadap pengimportan semula barangan yang dieksport secara sementara yang berkaitan dengan

promosi, penyelidikan dan pameran. Penambahbaikan terakhir, sebagaimana disebut oleh Perdana Menteri dalam Belanjawan 2016, melibatkan pelepasan CBP untuk perolehan bahan dan peralatan mengajar kepada penyedia latihan kemahiran dan vokasional sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

Hal ini hanyalah sebahagian kecil penambahbaikan layanan CBP. Dijangkakan pengumuman demi pengumuman akan dibuat oleh kerajaan pada masa akan datang untuk menambah baik sistem CBP berasaskan tuntutan ekonomi semasa. Pastinya kadar enam peratus tidak akan kekal selama-lamanya kerana sistem CBP juga bersifat dinamik agar selari dengan tadbir urus kewangan negara mengikut keadaan semasa.

Hal ini jelas membuktikan betapa pentingnya sistem CBP untuk pembangunan negara dan kemaslahatan rakyat Malaysia. Dengan pendapatan kerajaan yang semakin meningkat melalui pelaksanaan CBP, maka lebih banyak program dapat diadakan pada tahun hadapan sejajar dengan tema Belanjawan 2016, iaitu "Menyējahtera Kehidupan Rakyat". Tema Belanjawan 2016 didasarkan lima keutamaan kerajaan dalam melaksanakan Belanjawan 2016.



Sembilan akan memodi akanya. Barang-pakai, modifikasi untuk modal insan yang cemerlang. Dalam bidang teknikal dan vokasional.



LIMA KEUTAMAAN BELANJAWAN 2016

Demi ketahanan ekonomi negara, kerajaan akan melaksanakan program dan projek yang dapat memberikan impak untuk memperteguh ketahanan ekonomi negara takala ketidakstabilan ekonomi global melanda dunia. Antaranya, merencanakan pelaburan domestik melalui sembilan projek dan inisiatif kerajaan yang melibatkan pembangunan Lembah Wawasan Malaysia di negeri Sembilan yang berjumlah RM5 bilion, Pusat Bandar Siber di Cyberjaya, Bandar Lapangan Terbang di Sepang, dan pelaburan Khazanah Nasional Berhad untuk sembilan buah projek domestik berimpak tinggi berjumlah RM6.7 bilion.

Di samping itu, sebanyak RM1500 juta diperuntukkan oleh Khazanah Nasional Berhad untuk modal teroka dan dana ekuiti persendirian, RM19 bilion untuk Projek RAPID Complex di Pengerang, Johor, pembangunan Bandar Getah di Kedah yang berjumlah RM320 juta, dan pembangunan Taman Perindustrian Samalaju di Sarawak dengan peruntukan sebanyak RM142 juta, serta Jeli Minyak Kelapa Sawit di Sandakan, Sabah, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta.

Kerajaan juga memberikan fokus terhadap industri yang berasaskan kimia, elektronik dan elektrik, mesin dan peralatan, aeroangkasa, peranti perubatan, dan perkhidmatan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM730 juta. Tidak terkecuali Elaun Pelaburan Semula Khusus diberikan kepada sektor perkilangan dan pertanian yang tamat tempoh Elaun Pelaburan Semula.

Kesembilan projek dan inisiatif kerajaan merupakan langkah pertama bagi memperteguh ketahanan ekonomi negara. Terdapat empat lagi langkah di bawah keutamaan pertama kerajaan yang meliputi langkah merencanakan pasaran modal Malaysia, membangunkan rantaian nilai pemiagaan bagi perusahaan kecil dan sederhana, menambah baik pelbagai infrastruktur negara, seperti pengangkutan rel, lebih raya dan lapangan terbang. Akhir sekali, kerajaan memberikan perhatian terhadap sektor pelancongan dan pertanian negara serta meningkatkan sokongan terhadap


sektor eksport negara dengan mengadakan pelbagai inisiatif dan insentif. Keseluruhan lima langkah di bawah keutamaan pertama mampu merencanakan lagi ekonomi domestik negara di samping menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan dalam menghadapi ketidakstabilan ekonomi global.

Bagi keutamaan kedua pula, kerajaan memberikan fokus untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau. Sebanyak tiga langkah dicadangkan oleh kerajaan, iaitu merealisasikan Malaysia sebagai hab teknologi yang berdaya saing, meningkatkan penggunaan teknologi pembinaan yang terkini, dan mengadakan usaha untuk mempelbagaikan teknologi hijau di Malaysia. Tumpuan kerajaan terhadap teknologi hijau bukan setakat meningkatkan kualiti keperluan asas kepada penduduk di negeri berikatan, tetapi untuk melestarikan alam sekitar Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian bio.

Keutamaan ketiga kerajaan pula lebih terarah dalam aspek memperstaja modal insan agar lebih berkualiti pada masa akan datang. Dalam hal ini, kerajaan merancang untuk menambah sekolah baharu yang dikategorikan sebagai sekolah berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains Mara. Hal ini dilaksanakan bagi membolehkan lebih banyak lagi pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan bukan akademik ditempatkan di sekolah yang memiliki persekitaran kondusif untuk pembelajaran dan aktiviti di luar kelas.

Tidak cukup dengan itu, kerajaan meneruskan pembiayaan untuk perbelanjaan persekolahan anak sebanyak RM1000. Cuma pada kali ini, isi rumah berpendapatan RM1200 ke bawah sahaja yang layak untuk mendapat bantuan tersebut. Kerajaan juga meningkatkan jumlah pelepasan cukai rakyat Malaysia yang meneruskan pendidikan tinggi daripada hanya RM15000 setahun kepada RM7000 setahun.

Bagi keutamaan ketiga, kerajaan memberikan penekanan terhadap modal insan yang memiliki kemahiran teknikal dan vokasional. Dengan ini, kerajaan menyasarkan sejumlah 900 ribu pekerjaan baharu dalam bidang teknikal dan vokasional. Kerajaan tidak lagi hanya memberikan tumpuan terhadap



Kenaikan gaji pekerja swasta di seluruh negara dapat mengurangkan penggantungan kepada pekerja asing dalam pembinaan sektor perumahan.

pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik semata-mata di menara gading, tetapi juga bidang kemahiran tinggi yang berupaya menajamkan pendapatan yang lumayan buat generasi muda.

Kerajaan turut tidak ketinggalan mengutamakan agenda memperkasakan bumiputera. Dalam hal ini, sejumlah peruntukan akan disalurkan kepada pihak berkaitan, seperti Teraju, Dana Ekuiniti Nasional Berhad (Ekuinas), Pelaburan Hartanah Berhad dan Uda Holdings. Selain itu, dalam Belanjawan 2016, kerajaan cukup menitikberatkan infrastruktur di negeri Sabah dan Sarawak, kemudahan pinjaman untuk pembinaan rumah panjang dan sejumlah RM70 juta diperuntukkan untuk subsidi padi huma.

Peruntukan sebanyak RM1260 juta juga diberikan untuk Program IHarga (Sarawak) dan Program IHarga (Sabah) serta sebanyak RM115 juta untuk Program Khas Bumiputera Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan Klinik Bergerak (Malaysia) juga dipertingkatkan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi membolehkan penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Untuk keutamaan terakhir, kerajaan amat prihatin dalam usaha meringankan kos sara hidup rakyat, khususnya 40 peratus mereka yang berpendapatan rendah (B40). Lantaran itu, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi meringankan beban kos sara hidup golongan B40. Di samping golongan B40, kerajaan memberikan penekanan terhadap 40 peratus golongan yang berpendapatan sederhana (M40). Dengan kata lain, bukan setakat golongan B40 yang dibantu oleh kerajaan bagi meringankan kos sara hidup mereka, termasuklah melibatkan aspek rumah mampu milik, tetapi juga golongan yang sentiasa kelihatan dipinggirkan oleh kerajaan, iaitu kategori M40.

Yang menariknya, kerajaan mengetahui betapa pentingnya kedua-dua kategori ini untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju. Maka mereka perlu sentiasa dibantu. Sementara

itu, bagi golongan yang bukan setakat berpendapatan tinggi tetapi juga dikategorikan sebagai kava-raya, iaitu sebanyak 17 ribu orang dikenakan cukai pendapatan individu yang lebih tinggi, iaitu pada kadar 26 peratus dan 28 peratus, berdasarkan jumlah pendapatan tahunan mereka. Kutipan cukai yang meningkat daripada golongan kava-raya boleh disalurkan untuk pelbagai kegunaan rakyat.

Belanjawan 2016 juga mengutamakan kebijakan penjawat awam apabila kerajaan mengumumkan pemindahan gaji untuk satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred dan menambah baik sebanyak 252 skim perkhidmatan sektor awam merangkumi sebanyak

406 ribu orang penjawat awam yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Pegawai yang dilantik secara kontrak yang berkhidmat dalam sektor awam dengan sekurang-kurangnya untuk tempoh 15 tahun akan diserap secara tetap. Gaji minimum sektor awam kepada RM1200 sebulan, manakala pesara yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun dalam sektor awam pula diberi pencen minimum sebanyak RM950 sebulan.

Gaji minimum ini juga dipanjangkan kepada pekerja sektor swasta. Kerajaan bersetuju mereka yang bekerja di Semenanjung Malaysia akan menerima gaji minimum sebanyak RM1000 sebulan, manakala mereka yang bekerja di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan menerima sekurang-kurangnya gaji sebanyak RM920. Gaji minimum yang semakin meningkat sedikit banyak membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk mengharungi beban kos sara hidup yang semakin tinggi di negara ini. Hal ini juga dapat mengurangkan penggantungan terhadap pekerja asing, khususnya dalam sektor pembinaan.

Lagipun beban kos sara hidup rakyat merupakan perkara paling utama yang sering kali diperkatakan oleh rakyat Malaysia. Maka pelbagai langkah yang digariskan di bawah keutamaan kelima diharapkan dapat mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Malaysia, terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Kerajaan sedaya upaya menyeimbangkan ekonomi keperluan rakyat dan ekonomi modal dalam Belanjawan 2016 agar rakyat secara keseluruhannya dapat menjalani kehidupan yang sejahtera. Pelaksanaan yang berkesan dan cekap sahaja dapat merealisasikan kesejahteraan rakyat Malaysia semasa ketidaktentuan ekonomi global membelenggu penduduk dunia. Komitmen sepenuhnya oleh semua pihak terutamanya agensi pelaksana Belanjawan 2016, akan menentukan kejayaan segala inti pati Belanjawan 2016. **PM**